

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Muhammad Iqmal Hisham menunjukkan pingat yang diterima.

Muhammad Iqmal Hisham Kamarudin, 24 mencipta sejarah tersendiri buat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila menjadi graduan pertama universiti itu menerima Anugerah Pingat Tunku Abdul Rahman sejak ia diperkenalkan oleh Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) pada tahun 2010.

Selain pingat, graduan Sarjana Muda Perakunan itu turut menerima wang tunai RM3,000 yang disampaikan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YTAR dalam suatu majlis khas di sini, baru-baru ini.

Muhammad Iqmal Hisham adalah penerima Anugerah Pelajaran DiRaja - Pingat Jaya Cemerlang pada Majlis Konvokesyen Ke-12 USIM, tahun lalu.

Beliau juga pernah meraih Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan anjuran Kementrian Pendidikan bagi Kategori Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik 2013, wakil Malaysia ke

World Heritage Youth Forum Qatar 2014 dan penerima Anugerah Tokoh Perdana Siswa USIM 2013.



Muhammad Iqmal Hisham (dua dari kiri) bersama-sama penerima lain bermesra dengan Idris (dua dari kanan).

Muhammad Iqmal terima pingat Tunku Abdul Rahman

Curah bakti

Muhammad Iqmal Hisham yang kini melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat di USIM melalui tajaan Skim Felo Siswazah USIM berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat Doktor

Falsafah dan kembali mencurahkan bakti sebagai pensyarah di USIM

"Saya bersyukur dan berbangga dengan penganugerahan ini kerana segala sumbangan dan pembabitan dalam aktiviti sepanjang di USIM mendapat pengiktirafan YTAR.

"Anugerah turut membuktikan keupayaan graduan USIM untuk bersaing dan setanding Universiti Awam lain," katanya.

Turut menerima pingat adalah dua graduan Universiti Putra Malaysia dan seorang daripada Universiti Tun Hussein Onn.